Mohd Mizam bin Mahpol lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO B-05–58 TAHUN 2009

AHMAD MAAROP, APANDI ALI DAN MOHTARUDIN BAKI HHMR

21 OKTOBER 2011

Undang-Undang Jenayah — Dadah berbahaya — Pengedaran — Mengedar 1,889g kanabis — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Kes prima facie — Sama ada terbukti — Sama ada beban pembuktian yang salah digunakan — Sama ada inferens hakim bicara bahawa dadah untuk diedarkan bertepatan — Sama ada hakim bicara tersilap dalam penggunaan anggapan di bawah s 37(d) dan kemudiannya menggunakan s 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk memutuskan elemen pengedaran — Sama ada pihak pendakwaan membuktikan kes terhadap tertuduh melampaui keraguan munasabah — Sama ada hakim bicara membuat dapatan fakta yang betul — Sama ada hakim bicara gagal mempertimbangkan kes pembelaan — Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B(1)

Perayu ('Mizam') telah dituduh mengedar dadah berbahaya, iaitu 1,889g kanabis. Dia ditangkap semasa berjalan dari motosikalnya dengan menjinjing sebuah beg plastik yang berisi satu bungkusan yang mengandungi dua ketulan mampat kanabis seberat 1,889g. Ketika dicabar oleh polis, Mizam telah mencampakkan beg plastik ke atas jalan, dan dia telah ditangkap selepas satu pergelutan dengan polis. Mahkamah Tinggi mendapati Mizam bersalah, mensabitkannya dan menjatuhkan hukuman mati terhadapnya. Mizam merayu ke Mahkamah ini. Dalam rayuannya, Mizam telah menimbulkan empat alasan untuk mencabar keputusan hakim bicara seperti berikut: (i) bahawa hakim bicara telah tersilap apabila beliau menyatakan *evidential burden is on the accused* untuk membuktikan bahawa beg plastik ('P7') telah diletakkan dalam raga motosikalnya oleh SP7; (ii) bahawa hakim bicara telah tersilap dalam menggunakan anggapan di bawah s 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') kerana dari keterangan pihak pendakwaan, tidak terdapat bukti tentang elemen pengetahuan mengenai dadah oleh Mizam; (iii) bahawa hakim bicara tersilap dalam menggunakan anggapan s 37(d) ADB, dan kemudiannya menggunakan s 2 ADB untuk memutuskan elemen pengedaran terhadap Mizam, kerana dalam kes ini tiada terdapat keterangan yang cukup tentang tujuan pengedaran *(purpose of trafficking)*; dan (iv) bahawa pembelaan Mizam bukan *bare denial*, tetapi pembelaan yang mengandungi alasan bahawa terdapat orang lain, iaitu SP7 yang telah memberi P7 (yang mengandungi dadah berbahaya tersebut) kepadanya. Peguam berhujah pengedar dadah sebenarnya ialah SP7 bukan Mizam.

Diputuskan, menolak rayuan ditolak, mengesahkan sabitan dan hukuman mati:

(1) *Evidential burden* yang disebut oleh hakim bicara itu bukanlah beban am *(general burden)* seperti yang dipikul oleh pihak pendakwa dalam kes jenayah sehingga akhir perbicaraan untuk membuktikan *beyond reasonable doubt* kes terhadap orang kena tuduh. Apa yang dimaksudkan oleh hakim bicara ialah *burden* atas Mizam untuk menimbulkan *reasonable doubt*. Jadi, penggunaan *evidential burden* oleh hakim bicara bukanlah satu salah arah yang telah menyebabkan salah laksana keadilan *(miscarriage)* dan boleh menjejaskan keputusan kes ini (lihat perenggan 7–8).

(2) Dari keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, hakim bicara berpuas hati dan membuat dapatan bahawa Mizam mempunyai jagaan dan kawalan ke atas beg plastik (P7) yang berisi bungkusan surat khabar (P8) yang mengandungi dua ketul ganja dalam kes ini (P10 dan P12). Oleh yang demikian, hakim bicara memutuskan bahawa anggapan tentang pemilikan dan pengetahuan di bawah s 37(d) ADB berbangkit (lihat perenggan 9).

(3) Dalam mempertimbangkan sama ada Mizam telah mengedar dadah berbahaya tersebut, hakim bicara boleh (seperti yang dilakukan dalam kes ini), menggunakan anggapan di bawah s 37(d) ADB untuk membuktikan elemen pemilikan, dan kemudian menimbangkan sama ada terdapat keterangan afirmatif (tanpa penggunaan s 37(da) ADB) untuk membuktikan bahawa Mizam pada hakikatnya telah mengedar dadah berbahaya dengan melakukan mana-mana perbuatan yang ditakrifkan sebagai pengedaran *(trafficking)* di bawah s 2 ADB. Yang dilarang ialah penggunaan kedua-dua anggapan — di bawah ss 37(d) ADB dan 37(da) ADB untuk membuktikan pengedaran (lihat perenggan 10).

(4) Hakim bicara telah menimbangkan dengan secukupnya keterangan Mizam dan menilai serta mengujinya dengan keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan. Setelah berbuat demikian, hakim bicara mendapati bahawa Mizam gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan. Hakim bicara memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya terhadap Mizam melampaui keraguan yang munasabah. Keputusan yang telah dibuat oleh hakim bicara itu bergantung kepada kebolehpercayaan keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan ('SP6', 'SP4' dan 'SP7') di satu pihak dan kebolehpercayaan Mizam di satu pihak yang lain. Untuk mengubah keputusan hakim bicara yang telah dibuat berdasarkan kepada pengamatan beliau tentang kebolehpercayaan saksi-saksi yang telah dilihat dan didengar sendiri oleh beliau, mahkamah mestilah bukan

sekadar berasa ragu-ragu tentang keputusan yang telah dibuat oleh hakim bicara itu, tetapi mesti yakin bahawa keputusan itu adalah salah (lihat perenggan 13).

[English summary

The appellant ('Mizam') had been accused of trafficking dangerous drugs, namely 1,889g of cannabis. He was arrested while walking from his motorcycle, carrying a plastic bag filled with a package containing two pieces of compressed cannabis weighing 1,889g. When challenged by the police, Mizam threw the plastic bag on the road and he was arrested after a scuffle with the police. The High Court found Mizam guilty, convicted and sentenced him. Mizam appealed to this court. In his appeal, Mizam raised four grounds to challenge the trial judge's decision as follows: (i) that the trial judge had erred when he said that the evidential burden is on the accused to prove that the plastic bags ('P7') was placed in the motorcycle basket by SP7; (ii) that the trial judge had erred in applying the assumption under s 37(d) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA') because from the prosecution's evidence, there was no evidence on the element of knowledge about drugs by Mizam; (iii) that the trial judge had erred in applying the assumption of s 37(d) of the DDA, and then applied s 2 of the DDA to decide on the element of trafficking against Mizam, because in this case there was no sufficient evidence about the purpose of trafficking; and (iv) that Mizam's defence was not a bare denial, but the defence that the reason that there were others, namely SP7, who had given SP7 (which contained the dangerous drugs) to him. Counsel argued that the drug dealer is SP7, not Mizam.

Held, dismissing the appeal, affirming the conviction and death sentence:

(1) Evidential burden quoted by the trial judge was not a general burden as borne out by the prosecution in criminal cases until the end of the trial in order to prove a beyond reasonable doubt case against the accused. What was meant by the trial judge was that the burden was on Mizam to create reasonable doubt. So, the use of evidential burden by trial judge is not a wrong direction that has resulted in a miscarriage of justice (miscarriage) and may affect the decision of this case (see paras 7–8).

(2) From the evidence adduced by the prosecution, trial judge is satisfied and found that Mizam had custody and control of the plastic bag (P7), which contained newspapers (P8) package containing two pieces of marijuana in this case (P10 and P12). Thus, the trial judge ruled that the assumption of possession and knowledge under s 37(d) of the DDA raised (see para 9).

(3) In considering whether Mizam trafficked the dangerous drugs, the trial judge may (as was done in this case), using the assumption under s 37(d) of the DDA to prove the elements of ownership, and then consider

whether there was an affirmative evidence (without the use of s 37(da) of the DDA) to prove that Mizam, in fact, had trafficked dangerous drugs by committing any act defined as a trafficking under s 2 of the DDA. What is prohibited is the application of both assumptions — under ss 37(d) of the DDA and 37(da) of the DDA to establish distribution (see para 10).

(4) The trial judge had considered Mizam's evidence sufficient and evaluated and tested it against the evidence of the prosecution's witnesses. After doing so, the judge found that Mizam failed to raise a reasonable doubt on the prosecution's case. The trial judge held that the prosecution had proved its case against Mizam beyond reasonable doubt. Decision made by the judge's depended on the reliability of the prosecution's witnesses ('SP6', 'SP4' and 'SP7') on the one hand and reliability of Mizam, on the other. To modify the trial judge's decision that was made based on his observations as to the credibility of witnesses who have seen and heard by him, the court must not only doubt the decision made by the trial judge, but it must also be confident that the decision was wrong (see para 13).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai pengedaran, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 191–274.

Kes-kes yang dirujuk

Dato Mokhtar bin Hashim & Anor v PP [1983] 2 MLJ 232, MP (dirujuk)

Dato' Seri Anwar Ibrahim v PP [2002] 3 MLJ 193 ; [2002] 3 CLJ 457, MP (dirujuk)

Mohamad Radhi bin Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169, MA (dirujuk)

Ong Ah Chuan v PP [1981] 1 MLJ 64, PC (dirujuk)

PP v Abdul Manaf bin Muhamad Hasan [2006] 3 MLJ 193; [2006] 2 CLJ 129, MP (dirujuk)

PP v Chia Leong Foo [2000] 6 MLJ 705, MT (dirujuk)

PP v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3) [1999] 2 MLJ 1, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 37(d), 37(da), 39A(2)(f)

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45–125 Tahun 2006 (Mahkamah Tinggi Jenayah(1), Shah Alam)

Amy Law (St Law Shamini) bagi pihak perayu.

Tengku Amir Zaki bin Tengku Abdul Rahman (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Ahmad Maarop HMR:

[1] Perayu — Mohd Mizam bin Mahpol ('Mizam') telah dituduh mengedar dadah berbahaya, iaitu 1,889g *cannabis* seperti mana pertuduhan terhadapnya. Mizam ditangkap semasa berjalan dari motosikalnya dengan menjinjing sebuah beg plastik yang berisi satu bungkusan yang mengandungi dua ketulan mampat *cannabis* seberat 1,889g. Ketika dicabar oleh polis Mizam telah mencampakkan beg plastik ke atas jalan, dan dia telah ditangkap selepas satu pergelutan dengan polis. Mahkamah Tinggi mendapati Mizam bersalah, mensabitkannya dan menjatuhkan hukuman mati terhadapnya. Mizam merayu ke mahkamah ini.

[2] Fakta-fakta kes ini telah dibentangkan dengan jelas oleh hakim bicara dalam penghakimannya, dan kami tidak akan mengulanginya.

[3] Dalam rayuannya di hadapan kami peguam Mizam telah menimbulkan empat alasan untuk mencabar keputusan YA hakim bicara.

ALASAN PERTAMA

YA hakim meletakkan beban pembuktian atas Mizam

[4] Peguam berhujah bahawa YA hakim bicara telah tersilap apabila beliau menyatakan 'evidential burden is on the accused' untuk membuktikan bahawa beg plastik ('P7') telah diletakkan dalam raga motosikalnya oleh SP7. Sehubungan ini peguam memetik penghakiman YA hakim bicara di ms 145–146 rekod rayuan di mana YA hakim bicara menyatakan:

> In addressing the accused defence of being an innocent carrier the *evidential burden* is on the accused and it is incumbent upon the accused to prove that the plastic bag P7 and its contents was handed and/or put into the accused motorcycle carrier by SP7.

[5] Menurut peguam satu prinsip undang-undang yang mantap ialah bahawa beban pembuktian terletak di bahu pihak pendakwaan, bukan perayu. Oleh itu peguam berhujah YA hakim bicara telah tersilap dari segi undang-undang apabila beliau meletakkan beban pembuktian di atas bahu perayu. Untuk menyokong hujahnya peguam telah merujuk kepada kes *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169. Kami tidak dapat menerima hujah tersebut. Petikan yang dirujuk oleh peguam itu hendaklah dibaca keseluruhannya (ms 145–146 rekod rayuan). Apabila ini dilakukan adalah jelas bahawa *evidential burden* yang disebut oleh YA hakim bicara itu bukanlah beban am (*general burden*) seperti yang dipikul oleh pihak

pendakwa dalam kes jenayah sehingga akhir perbicaraan untuk membuktikan *beyond reasonable doubt* kes terhadap orang kena tuduh. Apa yang dimaksudkan oleh YA hakim bicara ialah *burden* atas Mizam untuk menimbulkan *reasonable doubt*. Penggunaan perkataan *evidential burden* seperti yang dimaksudkan itu adalah seperti mana yang telah digunakan dan dijelaskan dalam *Public Prosecutor v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3)* [1999] 2 MLJ 1 (disahkan *sub-silento* oleh Mahkamah Persekutuan dalam *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor* [2002] 3 MLJ 193; [2002] 3 CLJ 457–520), di mana di ms 63, Augustine Paul H (pada masa itu):

> Be that as it may, I am unable to agree with the defence submission that this means that the prosecution must prove its case beyond reasonable doubt at that stage. A case can be said to have been proved beyond reasonable doubt only upon a consideration and assessment of all the evidence (see *Canadian Criminal Evidence* (3rd Ed) by PK McWilliams QC para 39:10000). It must be observed that in a criminal trial, *if the defence raises a reasonable doubt as to the truth of the prosecution case or as to the accused's guilt there will be an acquittal, and if no such doubt is raised, a conviction* (see *Mah Kok Cheong v R* [1953] MLJ 46). *This evidential burden may be discharged bv the defence either in the course of the prosecution case or as the course of its own case* (see *Wong Chooi v Public Prosecutor* [1967] 2 MLJ 180. It follows that a case cannot be said to have been proved beyond reasonable doubt until the accused has concluded his case. A trial is said to be concluded when the accused, after he has been called upon to enter his defence, either elects to remain silent or gives a statement from the dock or gives evidence on oath. If the accused elects to remain silent and fails to show why the finding of prima facie case is wrong for any reason, the case will be said to have been proved beyond reasonable doubt as the accused will have no more opportunity of raising a reasonable doubt. Where the accused gives a statement from the dock or gives evidence on oath, the court will have to consider all the evidence before it. if the court is satisfied that no reasonable doubt has been raised in that exercise, the case will similarly be said to have been proved beyond reasonable doubt. This accords with the new s 182A of the Criminal Procedure Code which provides that at the conclusion of the trial, the court shall consider all the evidence adduced before it and shall decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt. Thus, a prima facie case as prescribed by the new s 180(1) of the Criminal Procedure Code must meant a case which if unrebutted would warrant a conviction. (Penekanan ditambah.)

[6] Dalam kes *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor*, Mohamed Azmi HMA dalam menyampaikan penghakiman Mahkamah Agong juga menggunakan perkataan-perkataan 'burden of casting a reasonable doubt':

> It is a well-established principle of Malaysian criminal law that the general burden of proof lies throughout the trial on the prosecution to prove beyond reasonable doubt the guilt of the accused for the offence with which he is charged. There is no similar burden placed on the accused to prove his innocence. He is presumed innocent until proven guilty. To earn an acquittal, his duty is merely to cast a reasonable doubt in the prosecution case. In the course of the prosecution case, the prosecution may of course rely on available statutory presumptions to prove one or more of the essestial

ingredients of the charge. When that occurs, the particular burden of proof as opposed to the general burden, shifts to the defence to rebut such presumptions on the balance of probabilities which from the defence point of view is heavier than *the burden of casting a reasonable doubt,* but it is certainly lighter than the burden of the prosecution to prove beyond reasonable doubt. To earn an acquittal at the close of the case for the prosecution under s 173(f) or s 180 of the Criminal Procedure Code, the court must be satisfied that no case against the accused has been made out which ifunrebutted would warrant his conviction (*Munusamy v Public Prosecutor*). If the defence is called, the duty of the accused is only to cast a reasonable doubt in the prosecution case. He is not required to prove his innocence beyond reasonable doubt. (Penekanan ditambah.)

[7] Dalam kes *Public Prosecutor v Chia Leong Foo* [2000] 6 MLJ 705, Mahkamah telah juga menggunakan perkataan 'evidential burden' untuk merujuk kepada keperluan orang kena tuduh menimbulkan *reasonable doubt*, atau menyangkal anggapan undang-undang *on the balance of probabilities*. Di ms 724, Augustine Paul H (pada masa itu) menyatakan:

This is because where the court relies on a statutory provision relating to a presumption of law like the presumption provisions it is bound to take the fact as proved until evidence to the contrary is given, on a balance of probabilities, to disprove it (see *Public Prosecutor v Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89; *Nagappan all Kuppusamy v Public Prosecutor* [1988] 2 MLJ 53). This results in a legal burden being imposed on an accused person though it is not illegal. Failure to discharge the burden, even where a reasonable doubt as to guilt exists, will be followed by conviction (see *State v Mello & Anor* [1999] 1 LRC 215). However, if the court had acted on the available evidence in proof of the relevant ingredients without resorting to presumptions *there is only an evidential burden on an accused person to raise a reasonable doubt.*

[8] Jadi, penggunaan *evidential burden* oleh YA hakim bicara dalam penghakimannya dalam konteks seperti yang kami telah jelaskan itu bukanlah satu salah arah yang telah menyebabkan salah laksana keadilan (*miscarriage*) dan boleh menjejaskan keputusan kes ini.

ALASAN KEDUA

Kesilapan menggunakan anggapan di bawah s 37(d) ADB

[9] Peguam berhujah bahawa YA hakim bicara telah tersilap dalam menggunakan anggapan di bawah s 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') kerana dari keterangan pihak pendakwaan tidak terdapat bukti tentang elemen pengetahuan mengenai dadah oleh Mizam. Peguam berhujah bahawa hanya elemen milikan sahaja yang berjaya dibangkitkan di bawah s 37(d) ADB (tanpa anggapan pengetahuan). Oleh itu menurut peguam, s 37(d)

ADB tidak terpakai. Kami tidak dapat menerima hujah tersebut. Dalam kes ini dari keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, YA hakim bicara berpuas hati dan membuat dapatan bahawa Mizam mempunyai jagaan dan kawalan ke atas beg plastik (P7) yang berisi bungkusan surat khabar P8 yang mengandungi dua ketul ganja dalam kes ini (P10 dan P12). Oleh yang demikian, YA hakim bicara memutuskan bahawa anggapan tentang pemilikan dan pengetahuan di bawah s 37(d) ADB berbangkit. Ini jelas dari penghakiman YA hakim bicara apabila beliau memutuskan:

> Custody and control having been established the prosecution is entitled to invoke the presumptive provision of knowledge under s 37(d) of the Act resulting in the accused being in possession of the cannabis weighing 1,889g.

ALASAN KETIGA

Penggunaan s 37(d) ADB dan s 2 ADB

[10] Peguam berhujah bahawa YA hakim bicara tersilap dalam menggunakan anggapan s 37(d) ADB, dan kemudiannya menggunakan s 2 ADB untuk memutuskan elemen pengedaran terhadap Mizam, kerana dalam kes ini tiada terdapat keterangan yang cukup tentang tujuan pengedaran (*purpose of trafficking*). Kami tidak dapat menerima hujah tersebut atas alasan-alasan berikut. Pertama, dalam mempertimbangkan sama ada Mizam telah mengedar dadah berbahaya tersebut, YA hakim bicara boleh (seperti yang dilakukan dalam kes ini), menggunakan anggapan di bawah s 37(d) ADB untuk membuktikan elemen pemilikan, dan kemudian menimbangkan sama ada terdapat keterangan affirmatif (tanpa penggunaan s 37(da) ADB) untuk membuktikan bahawa Mizam pada hakikatnya telah mengedar dadah berbahaya dengan melakukan mana-mana perbuatan yang ditakrifkan sebagai pengedaran (*trafficking*) di bawah s 2 ADB (lihat *Public Prosecutor v Abdul Manaf bin Muhamad Hasan* [2006] 3 MLJ 193; [2006] 2 CLJ 129 (FC)). Yang dilarang ialah penggunaan kedua-dua anggapan — di bawah s 37(d) ADB dan 37(da) ADB untuk membuktikan pengedaran. Dalam kes ini dari keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan (keterangan SP4 dan SP6) YA hakim bicara memutuskan bahawa pada masa dia ditangkap Mizam sedang membawa (*carrying*) dadah berbahaya berkenaan. YA hakim bicara menyedari bahawa perbuatan membawa dadah berbahaya secara pasif tidak mencukupi untuk menjadikannya kesalahan mengedar. Seterusnya, YA hakim bicara telah mengarahkan diri beliau kepada prinsip yang dihuraikan oleh Lord Diplock dalam *Ong Ah Chuan v Public Prosecutor* [1991] 1 MLJ 94 tentang pembuktian mengenai tujuan dadah tersebut dibawa. Ini boleh dilakukan melalui inferens. Dalam kes ini setelah menimbangkan bentuk *cannabis* dalam (dalam dua ketulan mampat) dan berat *cannabis*, 1,889g (lebih kurang 37 kali ganda melebihi berat minima 50g yang ditetapkan di bawah s 39A(2)(f) ADB, yang adalah tidak munasabah dikatakan untuk kegunaan sendiri), YA hakim bicara

telah membuat dapatan bahawa *cannabis* tersebut memang dibawa oleh Mizam untuk tujuan pengedaran (*trafficking*). Kami bersetuju dengan kesimpulan tersebut. Sehubungan ini pendekatan yang hampir serupa seperti yang digunakan oleh YA hakim bicara telah pun digunakan dalam *Public Prosecutor v Abdul Manaf bin Muhamad Hasan* (lihat penghakiman Arifin Zakaria HMP (pada masa itu) di ms 149, perenggan 21).

[11] Oleh itu YA hakim bicara telah membuat keputusan yang betul apabila beliau memutuskan bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap Mizam dan memerintahkannya membela diri.

ALASAN KEEMPAT

Kegagalan YA hakim menimbangkan pembelaan Mizam

[12] Peguam berhujah bahawa pembelaan Mizam bukan 'bare denial', tetapi pembelaan yang mengandungi alasan bahawa terdapat orang lain, iaitu SP7 yang telah memberi P7 (yang mengandungi dadah berbahaya tersebut) kepadanya. Peguam berhujah pengedar dadah sebenarnya ialah SP7 bukan Mizam. Peguam berhujah bahawa YA hakim bicara telah melakukan salah arah yang memprejudiskan Mizam apabila beliau gagal mempertimbangkan pembelaan perayu tersebut dan mempercayai sepenuhnya versi pihak pendakwaan. Kami tidak dapat menerima hujah tersebut. Versi dalam keterangan Mizam bertentangan dengan versi yang diberi oleh keterangan pihak pendakwaan. Menurut keterangan SP6 yang disokong oleh keterangan SP4 selepas Mizam dan SP7 sampai di hadapan kedai Stesyen Minyak Caltex dengan motosikal masing-masing, Mizam telah beredar dengan motosikalnya. Sebelum beredar SP7 tidak menyerahkan apa-apa kepada Mizam. Mizam menunggang motosikalnya ke arah jalan yang menghadap Stesyen Minyak Caltex dan berhenti di tepi jalan. Kemudian Mizam mengambil beg plastik (P7) dari dalam raga motosikalnya dan berjalan menghala ke Stesyen Caltex dengan menjinjing beg plastik tersebut. SP6 dan SP4 serta beberapa orang anggota pasukan serbuan polis bergerak ke arah Mizam. SP6 menjerit 'Polis'. Mizam mencampakkan beg plastik tersebut di atas jalan. Mizam telah berjaya ditangkap selepas satu pergelutan dengan anggota-anggota polis yang cuba menangkapnya. P7 yang dicampakkan di atas jalan itu didapati mengandungi satu bungkusan (P8) yang mengandungi dua ketulan mampat ganja. Mizam menafikan versi tersebut. Mizam mendakwa beberapa minit selepas dia dan SP7 sampai di kawasan kiosk Stesyen Minyak Caltex tersebut, SP7 menyuruh Mizam pergi dahulu ke tempat kawan SP7 ('Mustafa') meletakkan keretanya di tepi jalan masuk ke stesyen minyak tersebut. Menurut Mizam, dia enggan kerana dia tidak mengenali Mustafa. SP7 memberitahu Mizam supaya pergi dahulu dan dia ('SP7') akan menyusul kemudian kerana dia hendak pergi ke tandas. Mizam masih enggan pergi. Separuh jalan ke tandas SP7 memanggil

Mizam semula dan SP7 berpatah balik ke motosikalnya. Pada masa itu Mizam masih duduk di atas motosikalnya. SP7 telah mengambil satu bungkusan dari raga motosikalnya dan terus letak ke dalam raga motosikal Mizam. SP7 beritahu Mizam bahawa bungkusan itu hendak diberikan kepada Mustafa, dan SP7 suruh Mizam jaga bungkusan itu sekejap sebab dia hendak pergi ke tandas. SP7 suruh Mizam pergi dahulu ke tempat Mustafa meletakkan keretanya. Mizam bergerak menunggang motosikalnya menuju ke tempat Mustafa meletakkan keretanya. Mizam memberhentikan motosikalnya di sebelah kereta Proton Satria Mustafa. Tiba-tiba tiga orang keluar dari kereta tersebut dan menyerbu ke arah Mizam menyebabkan berlakunya pergelutan di antara Mizam dan tiga orang tersebut. Mizam mendakwa dia bergelut untuk mempertahankan dirinya kerana orang-orang tersebut tidak memperkenalkan diri mereka. Mizam berjaya ditangkap dan digari. Menurut Mizam pada masa itu motosikalnya tumbang menyebabkan bungkusan dalam raga itu terkeluar dari raga dan jatuh di atas permukaan jalan. Mizam menafikan dia telah mencampakkan bungkusan itu ke atas jalan kerana semasa diserbu dia masih berada di atas motosikalnya.

[13] YA hakim bicara mendapati bahawa intipati pembelaan Mizam bahawa bungkusan tersebut telah diletakkan ke dalam raga motosikalnya untuk diberi kepada Mustafa telah disangkal oleh SP7 yang menafikan bahawa dia telah meletakkan satu bungkusan plastik dalam raga motosikal Mizam dan menyuruh Mizam menjaganya. Keterangan SP7 itu disokong oleh SP6 dan SP4. Kami dapati YA hakim telah menimbangkan dengan secukupnya keterangan Mizam dan menilai serta mengujinya dengan keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan. Setelah berbuat demikian YA hakim bicara mendapati bahawa Mizam gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan. YA hakim bicara memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya terhadap Mizam melampaui keraguan yang munasabah. Keputusan yang telah dibuat oleh YA hakim bicara itu bergantung kepada kebolehpercayaan keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan (SP6, SP4 dan SP7) di satu pihak dan kebolehpercayaan Mizam di satu pihak yang lain. Untuk mengubah keputusan YA hakim bicara yang telah dibuat berdasarkan kepada pengamatan beliau tentang kebolehpercayaan saksi-saksi yang telah dilihat dan didengar sendiri oleh beliau, kami mestilah bukan sekadar berasa ragu-ragu tentang keputusan yang telah dibuat oleh YA hakim bicara itu, *tetapi mesti yakin* bahawa keputusan itu adalah salah (lihat *Dato Mokhtar bin Hashim v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232 di ms 275, Mahkamah Persekutuan).

[14] Setelah menimbangkan sendiri dengan teliti keterangan yang ada dalam rekod rayuan kes ini, kami memutuskan bahawa YA hakim bicara telah membuat keputusan yang betul apabila beliau memutuskan bahawa pihak

pendakwaan telah membuktikan melampaui keraguan yang munasabah kes pengedaran 1,889g *cannabis* terhadap Mizam.

[15] Rayuan Mizam ditolak. Sabitan dan hukuman mati terhadapnya disahkan.

Rayuan ditolak, sabitan dan hukuman mati disahkan.

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed